

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 9/1979**

=====

PERMOHONAN BERTINDIH

Permohonan Tanah Lombong dan Tanah Rancangan Perumahan selalunya berlapis. Permohonan berlapis ini adalah sukar mengendalikan dan memakan masa sebelum di angkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan.

2. Biasanya apabila Pejabat Tanah menerima permohonan Tanah Lombong atau permohonan tanah untuk rancangan perumahan usahasama dengan Kerajaan, Pejabat Tanah terpaksa menyediakan beberapa keping salinan pelan untuk merujuk kepada pejabat-pejabat berkenaan.

3. Di dalam masa inilah, permohonan-permohonan yang melapisi diterima. Untuk mempercepatkan rujukan kepada jabatan berkenaan supaya memotong masa lain-lain permohonan melapasi, maka di dalam permohonan di atas dua jenis tanah ini adalah dikehendaki pemohon mengemukakan 8 salinan peta tanah yang dipohon dengan ukuran 8 rantai 1 inci yang berkunci pelan 1 Batu-1 inci lengkap dengan grid coordinates.

4. 8 keping peta ini boleh juga diminta di dalam permohonan tukar syarat dan lain-lain permohonan yang melibatkan rujukan kepada jabatan-jabatan teknik.

T.T
(DATOK RAJA BRIMA SULONG BIN RAJA ROME)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PTG.SEL. 32 PT. 2(24)

SHAH ALAM
21HB SEPTEMBER 1979